

Wakil rakyat harap JPS bantu selesai isu segera



Gwo Burne (tiga, kiri) bersama ahli jawatankuasa meninjau lokasi baru pemindahan kuil yang masih belum mendapat kelulusan berkenaan.

SUBANG JAYA – Jawatankuasa Kuil Sri Veera Sangili Karuppan di Subang Heights di sini berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat memberi kebenaran dan kelulusan supaya pusat ibadat berkenaan dapat dipindahkan ke lokasi berhampiran kuil lama itu.

Wakil kuil berkenaan, S Suthamtiram berkata, kuil berusia 85 tahun itu sebelum ini terletak di kawasan estet Batu 3, sebelum dipindahkan pada tahun 2002 atas faktor pembangunan.

Menurutnya, pihak pemaju memperuntukkan tanah seluas 0.12 hektar untuk pemindahan kuil itu dan ketika itu tiada apa-apa pembangunan berdekatan.

Katanya, pada Oktober 2010, pihaknya menerima notis daripada Pejabat Tanah yang mengarahkan supaya kuil itu berpindah kerana didakwa tidak selamat berada di bawah talian rentis Tenaga Nasional Berhad (TNB).

“Dahulu ketika berpindah ke sini, tiada pembangunan malah talian rentis juga belum wujud, namun sekarang kuil berada di dalam zon yang tidak selamat dan berbahaya,” katanya.

Suthamtiram berkata, pemaju kemudian menawarkan lokasi lain untuk memindahkan kuil, satu terletak berdekatan pencawang TNB manakala satu lagi di kawasan bersebelahan kolam yang kering.

Katanya, pihaknya bersetuju memilih kawasan lapang berdekatan TNB namun permohonan ditolak Pejabat Tanah atas faktor keselamatan.

Jelasnya, pihaknya disyorkan memindahkan kuil ke kawasan berhampiran kolam yang kering itu dan dimaklumkan MPSJ tiada halangan mengenai perkara berkenaan.

Bagaimanapun, katanya timbul kesukaran kerana JPS tidak memberi kebenaran menggunakan kawasan lapang di bawah pentadbiran pihak itu

dengan memberi beberapa alasan.

“Saya sudah maklumkan kepada JPS, pemaju akan tanggung segala kos pembinaan malah langkah pencegahan banjir yang didakwa berlaku juga akan diambil.

“Sekarang penganut yang melakukan aktiviti keagamaan di sini berada dalam keadaan bahaya kerana kuil terletak betul-betul bawah talian rentis TNB ini,” katanya.

Sementara itu Ahli Parlimen Kelana Jaya, Gwo Burne Loh yang bertemu dengan jawatankuasa kuil berharap isu itu dapat diselesaikan segera.

Katanya, alasan JPS tidak memberi kebenaran kawasan lapang itu digunakan tidak munasabah dan tidak dapat diterima olehnya.

“Ini bukan salah pihak kuil, awalnya mereka diberi tapak yang masih belum membangun tetapi kini didapati tidak selamat, saya rayu JPS dan pegawai daerah membantu mereka,” katanya.